

Rujukan Kami : Bil.(31)dlm.PERDA:
IKTP 11/3 Jld.7

Tarikh : 07 November 2023
23 Rabiulakhir 1445H

**PARA GRADUAN
MAJLIS KONVOKESYEN KALI KE-12
PERDA-TECH**

Saudara/Saudari yang dihormati,

JEMPUTAN KE MAJLIS KONVOKESYEN PERDA-TECH KALI KE-12

Merujuk kepada perkara di atas, sukacita dimaklumkan bahawa Institut ini ingin merakamkan setinggi-tinggi tahniah dan penghargaan kepada saudara/saudari kerana telah berjaya menamatkan pengajian dengan jayanya.

2. Sebagai tanda kesyukuran dan penghargaan di atas kejayaan saudara/saudari, maka Institut menjemput saudara/saudari dan ibu bapa / waris untuk hadir ke **Majlis Konvokesyen PERDA-TECH Kali Ke-12**.

a. Majlis Raptai Konvokesyen


Tarikh : 08 Disember 2023 (JUMAAT)
Masa Pendaftaran : 10.00 pagi
Tempat : Dewan Utama, PERDA-TECH
Bukit Panchor, 14300
Nibong Tebal, Pulau Pinang

b. Majlis Konvokesyen

Tarikh : 09 Disember 2023 (SABTU)
Masa Pendaftaran : 8.00 pagi
Tempat : Dewan Utama, PERDA-TECH
Bukit Panchor, 14300
Nibong Tebal, Pulau Pinang,

...2/-

MEREALISASIKAN HARAPAN RAKYAT



PENGIKTIRAFAN MS ISO 9001 : 2016 NO. SIJIL : QMS 01822

3. Bersama-sama ini disertakan beberapa dokumen yang berkaitan untuk rujukan dan tindakan saudara/saudari. Dokumen yang dimaksudkan adalah seperti berikut:

3.1 Buku Maklumat Dan Syarat Konvokesyen

4. Sehubungan dengan itu Pengurusan PERDA-TECH ingin mendapatkan pengesahan kehadiran ke majlis tersebut. Pengesahan kehadiran hendaklah dibuat bermula pada **30 OKTOBER** sehingga **26 NOVEMBER 2023** melalui ketetapan berikut:

- i. Telefon di talian: **04-599 1100**
- ii. Cara atas talian: <http://spmp.perda-tech.edu.my/>

Kegagalan saudara/saudari berbuat demikian akan menyulitkan pihak kami dan seterusnya mengganggu pelaksanaan majlis konvokesyen ini.


5. Untuk makluman para graduan, pihak urusetia menyediakan perkhidmatan mengambil gambar graduan semasa majlis konvokesyen. Oleh yang demikian, **semasa majlis sedang berlangsung** semua graduan, ibu bapa/penjaga dan para tetamu **tidak dibenarkan mengambil gambar**. Gambar dan sewaan jubah akan dikenakan bayaran berjumlah RM 95.00 kesemuanya **kecuali** Program Khas Sukses Asas Kemahiran Teknikal (SAKTI). Saudara/saudari perlu menjelaskan bayaran berkenaan pada hari raptai diadakan. Gambar-gambar tersebut akan diserahkan semasa mengambil sijil pada tarikh yang telah ditetapkan.

6. Sebarang pertanyaan bolehlah menghubungi Bahagian Hal Ehwal Pelajar di talian **04-599 1100**.

Terima kasih.

"MALAYSIA MADANI"
"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"
"LUAR BANDAR SEJAHTERA"

Saya yang menjalankan amanah,


(NORHANANI BINTI MOHD RADZI)
Penolong Pengarah Khidmat Pengurusan & Hal Ehwal Pelajar (HEP)
Institut Kemahiran Tinggi PERDA (PERDA-TECH)
b.p. Pengurus Besar
Lembaga Kemajuan Wilayah Pulau Pinang
Kementerian Kemajuan Desa & Wilayah (KKDW)